

4 MAR 1996  
de Charette

SURUHANJAYA BERSAMA TINGKATKAN HUBUNGAN MALAYSIA-PERANCIS

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Sebuah suruhanjaya bersama akan ditubuhkan bagi meningkatkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Perancis, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Ada baiknya kita menubuhkan satu suruhanjaya bersama bagi meningkatkan hubungan dua hala kedua-dua negara dan kami (Abdullah dan Menteri Luar Perancis Herve de Charette) bersetuju untuk membawa cadangan itu ke peringkat ketua kerajaan," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan de Charette, di kediamannya di sini.

Abdullah kini bercuti selepas menjalani pembedahan jantung baru-baru ini.

Beliau berkata Perancis mahukan hubungan yang lebih aktif dengan negara-negara Asia Timur terutamanya Malaysia kerana sedar akan kepentingan negara ini dalam sektor ekonomi dan politik antarabangsa.

Hubungan antara Malaysia dan Perancis sebelum ini, menurut beliau, lebih cenderung kepada hubungan ekonomi manakala dari segi politik terdapat banyak ruang yang boleh diperbaiki.

Abdullah berkata de Charette turut menyatakan hasrat negaranya untuk menyertai Forum Wilayah ASEAN, persidangan keselamatan yang turut dianggotai secara tetap oleh Amerika Syarikat, China dan Russia.

De Charette tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi selama tiga hari turut diiringi pegawai-pegawai kanan kementeriannya.

de Charette kemudian mengunjung hormat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini setelah mengadakan pertemuan berasingan dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar.

Esok, menteri Perancis itu dijadualkan berbincang dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum mengadakan persidangan berita.

de Charette akan singgah singkat di Pulau Pinang sebelum berlepas pulang ke tanah airnya dari pulau itu. -- Bernama

TCL AHH